

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SABRI BIN AZIT [ JERAJ ]**

**TARIKH : 2 JULAI 2019**

**SOALAN :**

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk melestarikan tulisan Jawi di tempat-tempat tumpuan pelancongan agar warisan sejarah dapat terus dimartabatkan di persada negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Penggunaan tulisan Jawi di tempat-tempat tumpuan pelancong adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) dan terdapat kerajaan negeri yang menggalakkan penggunaan tulisan Jawi seperti negeri Kelantan dan Terengganu. Walau bagaimanapun, Kementerian ini melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sebagai urus setia Kempen Pembudayaan Tulisan Jawi sejak 2006 sentiasa menerajui usaha-usaha melestarikan tulisan Jawi dalam kalangan rakyat Malaysia termasuk kepada pelancong luar negara menerusi pelbagai pendekatan seperti berikut:

1. Penggunaan papan tanda di premis PNM sebagai bangunan ikonik berkonsepkan pelancongan ilmu yang disediakan dalam dua versi tulisan iaitu jawi dan rumi. Inisiatif ini bertepatan dengan pengiktirafan bangunan PNM sebagai Bangunan Warisan Kebangsaan pada tahun 2018;

2. Mengatur lawatan ke Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu sebagai lokasi yang wajib dilawati pelancong sekiranya mereka berkunjung ke Perpustakaan Negara Malaysia. Ia sejajar dengan kedudukan pusat ini sebagai pusat penyimpanan manuskrip Melayu terbesar di dunia dengan jumlah simpanan sebanyak 4,964 naskhah;
  
3. Menganjurkan program/aktiviti, pameran dan persidangan berkaitan tulisan Jawi pada setiap tahun. Pada bulan Oktober 2019, Perpustakaan Negara Malaysia akan menganjurkan Pameran dan Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu 2019 yang melibatkan penyertaan dari dalam dan luar negara;
  
4. Menerbitkan Rancangan Klinik Jawi menerusi Radio IKIM dan facebook *go live* IKIM yang boleh diakses di seluruh dunia; dan
  
5. Menerapkan reka bentuk bermotifkan tulisan Jawi yang diadaptasi daripada naskhah manuskrip Melayu dalam produk kraf tangan dan seni khat.

Sekian, terima kasih.